



GREAT Multi-Gen Wealth 3¹

Lindungi warisan kewangan anda dengan fleksibiliti untuk menyesuaikan aliran pendapatan bagi generasi akan datang

Tempoh tawaran tertakluk pada ketersediaan yang ditetapkan Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad



Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad adalah ahli PIDM.

¹Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT POLISI/PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk [Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM](#) atau hubungi Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Lindungi warisan kewangan anda dengan fleksibiliti untuk menyesuaikan aliran pendapatan bagi generasi akan datang

Setiap perjalanan hidup ada permulaan dan pengakhiran. Apabila anda meningkatkan kekayaan dan melindunginya untuk orang tersayang, anda boleh memastikan warisan kekal sehingga beberapa generasi dan dapat menyara anak serta cucu anda pada masa akan datang.

GREAT Multi-Gen Wealth 3 ialah pelan seumur hidup dengan pembayaran terhad berserta penggalak pelaburan dan pilihan manfaat hidup. Ia direka untuk membantu mengekalkan dan melindungi kekayaan yang anda bina selama bertahun-tahun – memberikan anda dan keluarga anda suatu masa depan yang diinginkan. Apabila masa yang sesuai tiba, anda boleh mewariskan pelan melalui penukaran pemilikan polisi dan perlindungan hayat kepada orang tersayang anda untuk menyokong serta melindungi masa depan mereka.

Pelan ini memberikan anda fleksibiliti untuk memilih tempoh pembayaran premium selama 5, 10 atau 20 tahun bagi perlindungan sehingga 70 tahun, 80 tahun atau 90 tahun hari jadi berikut. Selanjutnya, ciri dipertingkatkan baharu memberikan anda fleksibiliti untuk memilih dan menerima suatu aliran pendapatan tahunan tetap dalam bentuk penggalak pelaburan atau manfaat hidup atau kedua-duanya. Selain pendapatan tahunan sepanjang tempoh polisi, anda juga boleh meraikan dengan manfaat matang dalam satu jumlah sekali gus pada akhir tempoh polisi!

Sekiranya perkara yang tidak diduga berlaku, **GREAT Multi-Gen Wealth 3** akan melindungi anda. Anda akan dilindungi daripada segi kewangan terhadap kematian tanpa taja jamin perubatan.

Mencapai Kejayaan dengan **GREAT Multi-Gen Wealth 3** hari ini dan bina warisan yang melindungi orang tersayang anda sehingga beberapa generasi.



Manfaat sepintas lalu



**Simpanan jangka panjang
yang boleh dikekalkan
merentasi generasi**



**Komitmen premium
terhad selama
5, 10 atau 20 tahun**



**Aliran pendapatan tahunan
berterusan dengan pilihan
fleksibel untuk disesuaikan
dengan keperluan kewangan anda**



**Manfaat matang
dalam satu jumlah
sekali gus**



**Perlindungan kewangan
bagi kejadian yang tidak
dijangka**



**Pendaftaran mudah tanpa
taja jamin perubatan**



**Dana unit pilihan anda bagi
potensi peningkatan**



**Perlindungan tambahan
dengan rider pilihan**



Simpanan jangka panjang yang boleh dikekalkan merentasi generasi

Walaupun GREAT Multi-Gen Wealth 3 mungkin bermula dengan anda, ia tidak semestinya berakhir dengan anda. Ciri unik pelan ini memberikan anda pilihan untuk melantik Pemilik Polisi Gantian (APO)⁽¹⁾ dan Hayat yang Diasuranskan Kedua (SLA)⁽²⁾ serta Penukaran Hayat yang Diasuranskan (CLA)⁽³⁾.

Sekiranya sesuatu yang tidak diingini berlaku kepada anda, APO yang anda lantik akan menjadi pemilik polisi baharu untuk mengambil alih polisi anda.

Jika anda telah melantik seorang SLA, apabila hayat yang diasuranskan sedia ada meninggal dunia, polisi sedia ada akan diteruskan dengan melindungi SLA untuk baki tempoh perlindungan tanpa menjejaskan nilai polisi.

Sekiranya keluarga anda bertambah dan anda ingin melindungi mereka, terdapat juga pilihan CLA, iaitu anda boleh menggantikan hayat yang diasuranskan sedia ada dengan melantik orang tersayang anda sebagai hayat yang diasuranskan baharu pada bila-bila masa dan mereka akan dilindungi di bawah GREAT Multi-Gen Wealth 3. Polisi sedia ada akan diteruskan untuk baki tempoh perlindungan tanpa menjejaskan nilai polisi.

Dengan GREAT Multi-Gen Wealth 3, rancang lebih awal dan kekalkan simpanan anda merentasi generasi, seterusnya menyediakan warisan yang berkekalan untuk orang tersayang pada masa hadapan, dengan premium tahunan sehingga RM1 juta.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat

Bagaimana GREAT Multi-Gen Wealth 3 boleh membantu anda:

Senario 1



John
(Pemilik polisi pertama)

John, berumur 40 tahun, ingin meninggalkan suatu warisan untuk anaknya, Alex yang berumur 1 tahun serta generasi akan datang. Dia mendaftar untuk **GREAT Multi-Gen Wealth 3** dengan:

- Tempoh pembayaran premium selama 5 tahun
- Premium Tahunan Asas sebanyak **RM20,000** (premium keseluruhan yang telah dibayar berjumlah **RM100,000**)
- Tempoh perlindungan sehingga umur 90 tahun



Alex
(Pemilik polisi kedua)
Anak lelaki John



Ava
(Pemilik polisi ketiga)
Isteri Alex



Lucas
(Pemilik polisi keempat)
Anak lelaki Alex

Tahun Polisi	Generasi Pertama	Generasi Kedua			Generasi Ketiga		
		18	40	50	55	89	
Kejadian	Pada umur 40 tahun, John mendaftar untuk GREAT Multi-Gen Wealth 3 . John ialah PO dan Alex ialah LA	Pada umur 19 tahun, Alex menjadi PO baharu di bawah fasal peletakan hak	Pada umur 41 tahun, Alex melantik isterinya Ava sebagai APO dan anak lelakinya Lucas (umur 4 tahun) sebagai SLA	Pada umur 51 tahun, Alex meninggal dunia akibat kemalangan. Ava menjadi PO baharu dan Lucas menjadi LA baharu	Pada umur 19 tahun, Lucas menjadi PO baharu di bawah fasal peletakan hak	Pada umur 53 tahun, Lucas menerima manfaat matang bagi polisi. Dia merancang untuk bersara awal dan turut mengasingkan RM300,000 sebagai dana pendidikan anaknya	
Pemilik Polisi (PO)	John	Alex, anak lelaki John	Alex, anak lelaki John	Ava, isteri Alex	Lucas, anak lelaki Alex		
Pemilik Polisi Gantian (APO)			Ava, isteri Alex				
Hayat yang Diasuranskan (LA)	Alex, anak lelaki John	Alex, anak lelaki John	Alex, anak lelaki John	Lucas, anak lelaki Alex	Lucas, anak lelaki Alex		
Hayat yang Diasuranskan Kedua (SLA)			Lucas, anak lelaki Alex				
UNJURAN JUMLAH NILAI TUNAI				Senario Rendah: RM226,666 Senario Tinggi: RM447,609		Senario Rendah: RM593,119 Senario Tinggi: RM2,380,273	

Pulangan Tahunan* Anda:
Manfaat dijamin sahaja = -0.12% setahun
Manfaat keseluruhan bagi senario rendah (termasuk pembayaran tidak dijamin) = 2.07% setahun
Manfaat keseluruhan bagi senario tinggi (termasuk pembayaran tidak dijamin) = 3.71% setahun

Bagaimana GREAT Multi-Gen Wealth 3 boleh membantu anda:

Senario 2



Sophia
(Pemilik polisi pertama)

Sophia, berumur 35 tahun, ingin membeli pelan simpanan jangka panjang sebagai pemberian tanda kasih untuk anak perempuannya, Hannah yang berumur 10 tahun, serta untuk generasi akan datang. Dia mendaftar untuk **GREAT Multi-Gen Wealth 3** dengan:

- Tempoh pembayaran premium selama 10 tahun
- Premium Tahunan Asas sebanyak RM20,000 (premium keseluruhan yang telah dibayar berjumlah RM200,000)
- Tempoh perlindungan sehingga umur 90 tahun



Hannah
(Pemilik polisi kedua)
Anak perempuan Sophia



Ian
(Pemilik polisi ketiga)
Anak lelaki Hannah

Tahun Polisi	Generasi Pertama	Generasi Kedua		Generasi Ketiga	
		9	30	40	80
Kejadian	Pada umur 35 tahun, Sophia mendaftar untuk GREAT Multi-Gen Wealth 3 . Sophia ialah pemilik polisi dan Hannah ialah LA	Pada umur 19 tahun, Hannah menjadi PO baharu di bawah fasal peletakan hak	Pada umur 40 tahun, Hannah mempunyai seorang anak lelaki, Ian (umur 9 tahun). Dia menukar LA kepada Ian	Pada umur 19 tahun, Ian menjadi PO baharu di bawah fasal peletakan hak	Pada umur 59 tahun, Ian menerima manfaat matang. Dia membelanjakannya untuk persaraan dan melancong
Pemilik Polisi (PO)	Sophia	Hannah, anak perempuan Sophia	Hannah, anak perempuan Sophia	Ian, anak lelaki Hannah	
Hayat yang Diasuranskan (LA)	Hannah, anak perempuan Sophia	Hannah, anak perempuan Sophia	Ian, anak lelaki Hannah	Ian, anak lelaki Hannah	
UNJURAN JUMLAH NILAI TUNAI		Senario Rendah: RM236,725 Senario Tinggi: RM328,535		Senario Rendah: RM889,033 Senario Tinggi: RM2,931,199	

Pulangan Tahunan* Anda:
Manfaat dijamin sahaja = -0.22% setahun
Manfaat keseluruhan bagi senario rendah (termasuk pembayaran tidak dijamin) = 1.99% setahun
Manfaat keseluruhan bagi senario tinggi (termasuk pembayaran tidak dijamin) = 3.61% setahun

- Nota:
- i. *Jika anda ingin mendapatkan suatu polisi insurans dengan elemen simpanan, anda boleh membandingkan pulangan bagi polisi ini dengan pulangan berkesan bagi alternatif pelaburan yang lain.
 - ii. Unjuran jumlah nilai tunai bagi senario 1 dan 2 merujuk pada pulangan yang terdiri daripada nilai tunai dijamin dan jumlah nilai pelaburan tidak dijamin. Ia berdasarkan andaian pelanggan memilih untuk menerima pendapatan tahunan melalui penggalak pelaburan yang dikreditkan pada jumlah nilai pelaburan. Jumlah nilai pelaburan keseluruhan adalah berdasarkan senario rendah (2% setahun) dan senario tinggi (5% setahun) daripada unjuran pulangan pelaburan kasar bagi dana berkaitan pelaburan pilihan pelanggan - 100% Dana Lion Fixed Income, dengan jenis pembayaran premium tahunan. Sila ambil perhatian bahawa unjuran jumlah nilai tunai adalah tidak dijamin.
 - iii. Umur yang dinyatakan di atas merujuk pada umur hari jadi berikut.
 - iv. Contoh di atas untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menunjukkan atau dianggap sebagai kemungkinan pulangan.
 - v. Tertakluk pada terma dan syarat



Komitmen premium terhad selama 5, 10 atau 20 tahun

Apabila ia berkaitan dengan komitmen kewangan, fleksibiliti adalah penting. GREAT Multi-Gen Wealth 3 membenarkan anda untuk memilih tempoh pembayaran premium selama 5 tahun, 10 tahun atau 20 tahun dengan perlindungan berterusan sehingga umur 70 tahun, 80 tahun atau 90 tahun hari jadi berikut⁽⁴⁾.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat



Aliran pendapatan tahunan berterusan dengan pilihan fleksibel untuk disesuaikan dengan keperluan kewangan anda

Perhatikan simpanan anda berkembang bagi warisan anda setiap tahun! Pada akhir setiap tahun polisi, pendapatan tahunan bersamaan dengan suatu peratusan daripada Premium Tahunan Asas⁽⁵⁾ anda akan tersedia untuk meningkatkan simpanan anda.

Sekiranya umur kemasukan bagi hayat yang diasuranskan ialah 1 hingga 45 tahun hari jadi berikut, pendapatan tahunan akan dibayar seperti berikut:

Akhir Tahun Polisi	Tempoh Pembayaran Premium		
	5 tahun	10 tahun	20 tahun
1-6	12.5%	22.5%	30%
7-30			45%
31-60	15%	25%	45%
61-89	20%	35%	60%

Sekiranya umur kemasukan bagi hayat yang diasuranskan ialah 46 tahun hari jadi berikut dan ke atas, pendapatan tahunan akan dibayar seperti berikut:

Akhir Tahun Polisi	Tempoh Pembayaran Premium		
	5 tahun	10 tahun	20 tahun
1-30	10%	15%	30%
31-44	15%	20%	40%

Dengan GREAT Multi-Gen Wealth 3, anda mempunyai fleksibiliti untuk memilih dan menerima aliran pendapatan tahunan tetap yang paling sesuai dengan keperluan kewangan anda, melalui penggalak pelaburan atau manfaat hidup atau kedua-duanya. Penggalak pelaburan akan dikreditkan pada pendapatan tahunan seterusnya pada jumlah nilai pelaburan anda manakala manfaat hidup akan membayar pendapatan tahunan kepada anda sehingga kematian, serahan atau polisi matang, mana yang berlaku dahulu.

Anda boleh memilih peruntukan peratusan pendapatan tahunan seperti berikut:

	Penggalak Pelaburan (%)	Manfaat Hidup (%)
Pilihan 1	100%	0%
Pilihan 2	50%	50%
Pilihan 3	0%	100%

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.



Manfaat matang dalam satu jumlah sekali gus

Bagi meraikan pencapaian tarikh matang polisi anda, anda atau generasi akan datang mungkin menerima bayaran dalam satu jumlah sekali gus bersamaan dengan amaun di bawah, ditolak sebarang amaun hutang:

Suatu peratusan daripada Premium Tahunan Asas⁽⁵⁾ anda seperti berikut:

Tempoh Pembayaran Premium		
5 tahun	10 tahun	20 tahun
450%	850%	1200%

termasuk

- Jumlah nilai pelaburan pada tarikh penilaian yang berikutnya selepas pemberitahuan polisi matang, jika ada; dan
- Manfaat hidup tahun akhir, jika ada.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.



Perlindungan kewangan bagi kejadian yang tidak dijangka

Walaupun terdapat ketidakpastian dalam kehidupan, anda boleh memastikan akan dilindungi dari segi kewangan dengan GREAT Multi-Gen Wealth 3. Sekiranya kematian berlaku, orang tersayang anda akan menerima bayaran berikut dalam satu jumlah sekali gus:

Tahun Polisi	Kematian akibat kemalangan	Kematian bukan akibat kemalangan
1 & 2	- Manfaat Kematian Dijamin; dan - Jumlah Nilai Pelaburan (TIV) (jika ada).	- Premium Asas⁽⁶⁾ yang telah dibayar sehingga terkini, ditolak penggalak pelaburan keseluruhan (jika ada) dan/atau manfaat hidup keseluruhan yang telah dibayar (jika ada); - Nilai unit yang telah diperuntukkan (jika ada) mengikut harga unit pada tarikh penilaian yang berikutnya; dan - Premium yang tidak Diperuntukkan (jika ada)
3 & selanjutnya		- Manfaat Kematian Dijamin; dan - TIV (jika ada)

Manfaat Kematian Dijamin iaitu mana yang paling tinggi:

- 105% daripada Premium Asas⁽⁶⁾ yang telah dibayar sehingga terkini, ditolak penggalak pelaburan keseluruhan (jika ada) dan/atau manfaat hidup keseluruhan yang telah dibayar (jika ada);

atau

- Nilai tunai

Manfaat Kematian hanya akan dibayar jika tiada SLA dilantik semasa hayat yang diasuranskan sedia ada meninggal dunia. Jika seorang SLA telah dilantik, polisi akan diteruskan dengan hayat yang diasuranskan baharu dan Manfaat Pengebumian bersamaan 10% daripada Premium Asas Tahunan⁽⁵⁾ anda akan dibayar. Manfaat Pengebumian hanya akan dibayar sekali, semasa hayat yang diasuranskan pertama meninggal dunia dan tertakluk pada maksimum RM5,000 bagi setiap hayat.

Nota:

- Manfaat Pengebumian tidak akan dibayar jika Manfaat Kematian telah dibayar semasa hayat yang diasuranskan pertama meninggal dunia.
- Tertakluk pada terma dan syarat.



Pendaftaran mudah tanpa taja jamin perubatan

Apabila anda mendaftar untuk GREAT Multi-Gen Wealth 3, perlindungan penuh ditawarkan tanpa soalan kesihatan mahupun pemeriksaan perubatan diperlukan.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.



Dana unit pilihan anda dengan potensi peningkatan

GREAT Multi-Gen Wealth 3 memberikan anda akses pada dana yang diuruskan secara profesional. Anda bebas untuk memilih dan melabur dalam dana yang sesuai dengan risiko dan gaya pelaburan anda.

Keterangan Dana

Pilihan dana hendaklah berdasarkan beberapa faktor, antaranya toleransi anda terhadap risiko. Sila rujuk kepada pengantara anda ataupun Syarikat untuk mengetahui jenis dana yang bersesuaian dengan toleransi anda terhadap risiko.

Caj pengurusan dana tidak dijamin dan mungkin berubah dari semasa ke semasa dan anda akan menerima notis bertulis 3 bulan terlebih dahulu. Dana yang sedia ada adalah:

Dana	Penerangan Dana	Caj Pengurusan Dana (tahunan)
Dana Lion Balanced	Dana yang melabur dalam campuran ekuiti (julat di antara 40% hingga 60%) dan sekuriti pendapatan tetap. Dana ini bertujuan untuk menyediakan kenaikan nilai modal jangka pertengahan hingga jangka panjang, pada tahap mudah ubah sederhana.	1.00%

Dana	Penerangan Dana	Caj Pengurusan Dana (tahunan)
Dana Lion Fixed Income	Dana yang melabur dalam sekuriti pendapatan tetap seperti bon kerajaan dan korporat serta dalam bentuk tunai dan setara dengan tunai. Dana ini bertujuan untuk menyediakan pulangan yang konsisten pada tahap mudah ubah rendah. Walaupun sebahagian besar pelaburan dana dijalankan di Malaysia (40% hingga 100%), sebahagiannya mungkin dilaburkan dalam sekuriti pendapatan tetap asing (sehingga 50%), bagi meningkatkan pulangan dana.	0.50%
Dana Lion Progressive	Dana yang melabur dalam campuran ekuiti (julat di antara 50% hingga 90%) dan sekuriti pendapatan tetap. Dana ini bertujuan untuk menyediakan kenaikan nilai modal jangka pertengahan hingga jangka panjang, pada tahap mudah ubah sederhana hingga tinggi.	1.35%
Dana Sejati	Dana yang melabur dalam sekuriti pendapatan tetap yang diluluskan Syariah, contohnya sukuk kerajaan dan korporat serta dilaburkan dalam kertas/deposit pasaran mata wang Islam. Dana ini bertujuan untuk menyediakan pulangan yang konsisten pada tahap mudah ubah rendah. Walaupun sebahagian besar pelaburan dana dijalankan di Malaysia (40% hingga 100%), sebahagiannya mungkin dilaburkan dalam sekuriti pendapatan tetap asing yang diluluskan Syariah (sehingga 50%), bagi meningkatkan pulangan dana.	0.50%
Dana Lion Enhanced Equity	Dana yang mana 80% hingga 100% pelaburan terdiri daripada ekuiti. Dana ini bertujuan untuk menyediakan kenaikan nilai modal jangka pertengahan hingga jangka panjang. Walaupun sebahagian besar pelaburan dana dijalankan di Malaysia (50% hingga 100%), sebahagiannya akan melabur dalam syarikat yang mempunyai operasi perniagaan yang signifikan di Singapura (sehingga 25%) dan Greater China (Tanah Besar China, Hong Kong, Makau dan Taiwan) (sehingga 25%), jika dan apabila perlu, bagi meningkatkan pulangan dana.	1.50%
Dana Gemilang	Dana yang mana 80% hingga 100% pelaburan terdiri daripada ekuiti. Dana ini bertujuan untuk menyediakan kenaikan nilai modal jangka pertengahan hingga jangka panjang. Walaupun sebahagian besar pelaburan dana dijalankan di Malaysia (50% hingga 100%), sebahagiannya akan melabur dalam syarikat yang mempunyai operasi perniagaan yang signifikan di Singapura (sehingga 25%) dan Greater China (Tanah Besar China, Hong Kong, Makau dan Taiwan) (sehingga 25%), jika dan apabila perlu, bagi meningkatkan pulangan dana. Dana ini hanya melabur dalam sekuriti patuh Syariah.	1.50%
Dana Lion Small Mid Cap	Dana yang mana 60% hingga 100% pelaburan terdiri daripada ekuiti dengan baki dalam tunai dan/atau bersamaan tunai, yang boleh mudah ubah dalam jangka pendek. Dana ini bertujuan untuk menyediakan kenaikan nilai modal jangka pertengahan hingga jangka panjang, membuat pelaburan dalam ekuiti Pasaran Modal Sederhana dan Kecil di Malaysia (50% hingga 100%) ("Small Mid Cap"). Sebahagian pelaburan mungkin dijalankan dalam ekuiti Pasaran Modal Sederhana dan Kecil asing (Asia Pasifik tidak termasuk Jepun) jika dan apabila perlu, bagi meningkatkan pulangan dana.	1.40%
Dana Lion Advanced Strategic	Dana yang melabur dalam campuran ekuiti, sekuriti pendapatan tetap dan instrumen pasaran wang di Malaysia serta syarikat yang mempunyai pengurusan perniagaan ketara di Asia. Terdapat fleksibiliti dalam peruntukan aset memandangkan dana ini boleh melabur secara tunggal dalam sekuriti pendapatan tetap atau ekuiti. Skim pelaburan kolektif seperti unit amanah, dana bersama dan dana dagangan bursa yang melabur dalam jenis aset demikian mungkin dipertimbangkan. Dana ini bertujuan untuk memaksimumkan kenaikan nilai modal dalam jangka pertengahan hingga jangka panjang sambil mengurangkan risiko dan/atau meningkatkan pulangan melalui pertukaran jenis aset secara tepat dan dinamik dalam pelbagai pasaran pada bila-bila masa.	1.35%
Dana Lion ASEAN	Dana yang mana 80% hingga 100% pelaburan terdiri daripada ekuiti. Dana ini bertujuan untuk memaksimumkan kenaikan nilai modal dalam jangka pertengahan hingga jangka panjang sambil mengurangkan risiko dan/atau meningkatkan pulangan melalui pertukaran jenis aset dalam pasaran ASEAN pada waktu yang bertepatan serta dinamik pada bila-bila masa. Baki nilai aset bersih bagi dana akan dilaburkan dalam instrumen pasaran wang jangka pendek domestik termasuklah tunai. Skim pelaburan kolektif seperti unit amanah, dana bersama dan dana dagangan bursa yang melabur dalam jenis aset demikian mungkin dipertimbangkan.	1.50%
Dana Lion US-i	Dana yang diuruskan secara pasif dan menasarkannya untuk mengesan prestasi S&P500 dalam jangka pertengahan hingga jangka panjang (strategi pengindeksan), yang boleh mudah ubah dalam jangka pendek. Dana ini bertujuan untuk menyediakan kenaikan nilai modal jangka pertengahan hingga jangka panjang.	0.75%

Funds	Fund Descriptions	Fund Management Charge (per annum)
Dana Lion UK-i	Dana yang diuruskan secara pasif dan menyasarkan untuk mengesan prestasi FTSE100 dalam jangka pertengahan hingga jangka panjang (strategi pengindeksan), yang boleh mudah ubah dalam jangka pendek. Dana ini bertujuan untuk menyediakan kenaikan nilai modal jangka pertengahan hingga jangka panjang.	0.75%
Dana Lion AU-i	Dana yang diuruskan secara pasif dan menyasarkan untuk mengesan prestasi S&P/ASX200 dalam jangka pertengahan hingga jangka panjang (strategi pengindeksan), yang boleh mudah ubah dalam jangka pendek. Dana ini bertujuan untuk menyediakan kenaikan nilai modal jangka pertengahan hingga jangka panjang.	0.75%
Dana Lion Equity Global Sustainability	Dana penyuap yang menyasarkan untuk memaksimumkan pulangan keseluruhan melalui kepelbagaian pasaran ekuiti global dan penyertaan dalam pertumbuhan dinamik bagi pasaran modal dunia. Dana ini diuruskan secara konsisten dalam pelaburan dengan penerapan prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus. Dana ini bertujuan untuk memperoleh keuntungan sekurang-kurangnya 80% daripada pendedahan pelaburan terhadap sekuriti ekuiti bagi syarikat bermastautin atau perniagaan utama yang berada di negara maju. Sekuriti berkaitan ekuiti termasuk instrumen derivatif kewangan. Dana ini boleh melabur dalam instrumen pasaran wang (MMI), deposit dan tunai, jika ditentukan sebagai bersesuaian. MMI mungkin diterbitkan kerajaan, agensi kerajaan, syarikat dan supranasional, serta mungkin dengan taraf pelaburan, taraf bukan pelaburan atau tiada penarafan semasa pembelian.	1.50%

Nota:

- Walaupun Dana Gemilang dan Dana Sejati melabur dalam sekuriti patuh Syariah, pelan insurans yang melabur dalam dana tersebut tidak diklasifikasikan sebagai produk berlandaskan Syariah.
- Tertakluk pada terma dan syarat.



Perlindungan tambahan dengan rider pilihan

Anda boleh menambah rider pilihan pada polisi anda sebagai suatu lapisan perlindungan tambahan. Antara rider yang anda boleh pilih ialah:

- **Great Wealth Enhancer Payer**

Mengetepikan premium sekiranya kematian atau hilang upaya berlaku kepada pembayar. Namun, jika hilang upaya atau kematian bukan akibat kemalangan berlaku dalam tempoh 2 tahun polisi pertama, Syarikat hanya akan membayar balik premium keseluruhan yang telah dibayar bagi rider.

- **CI Premium Waiver Rider**

Mengetepikan premium sekiranya penyakit kritikal berlaku kepada hayat yang diasuranskan.

- **Payer Waiver Extra Rider**

Mengetepikan premium sekiranya kematian, hilang upaya atau penyakit kritikal berlaku kepada pembayar.

Nota:

- GREAT Multi-Gen Wealth 3 dan GREAT Wealth Enhancer Payer tidak tertakluk pada taja jamin perubatan, namun CI Premium Waiver Rider dan Payer Waiver Extra Rider tertakluk pada keperluan taja jamin Syarikat yang berkenaan.
- Tertakluk pada terma dan syarat.

Nota kaki:

- ⁽¹⁾ Pemilik polisi dan APO mestilah merupakan seorang individu untuk pelantikan APO dan tertakluk pada syarat yang ditetapkan Syarikat. Setiap pelantikan bagi APO dan setiap penukaran bagi APO sebagai pemilik polisi tertakluk pada kelulusan Syarikat dengan syarat polisi masih kekal berkuat kuasa. Hanya pemilik polisi pertama atau pemilik polisi baharu yang juga merupakan hayat yang diasuranskan boleh melantik atau meminda pelantikan APO.
- ⁽²⁾ Pemilik polisi mestilah merupakan seorang individu untuk melantik seorang SLA dan SLA tersebut tertakluk pada syarat yang ditetapkan Syarikat. Hayat yang diasuranskan pertama mestilah masih hidup semasa pelantikan SLA dilakukan. Setiap pelantikan SLA dan setiap penukaran SLA sebagai hayat yang diasuranskan baharu tertakluk pada kelulusan Syarikat serta tertakluk pada polisi masih kekal berkuat kuasa. Hanya pemilik polisi pertama atau pemilik polisi baharu yang juga merupakan hayat yang diasuranskan boleh melantik atau meminda pelantikan SLA. Apabila penukaran SLA kepada hayat diasuranskan baharu berjaya, manfaat kematian tidak akan dibayar dan polisi akan diteruskan dengan terma dan syarat yang sama.
- ⁽³⁾ Pemilik polisi mestilah merupakan seorang individu untuk menggunakan pilihan CLA dan tertakluk pada syarat yang ditetapkan Syarikat. Hayat yang diasuranskan pertama mestilah masih hidup semasa penukaran hayat yang diasuranskan dilakukan. Setiap penukaran bagi hayat yang diasuranskan tertakluk pada kelulusan Syarikat serta tertakluk pada polisi masih kekal berkuat kuasa. Hanya pemilik polisi pertama atau pemilik polisi baharu yang juga merupakan hayat yang diasuranskan boleh menukar hayat yang diasuranskan. Apabila penukaran hayat yang diasuranskan berjaya, polisi akan diteruskan dengan terma dan syarat yang sama.
- ⁽⁴⁾ Tempoh perlindungan akan kekal tidak berubah jika terdapat penukaran hayat yang diasuranskan atau perubahan hayat yang diasuranskan semasa tempoh polisi.
- ⁽⁵⁾ Premium asas keseluruhan ialah premium yang telah dibayar bagi pelan asas untuk suatu tahun polisi, tidak termasuk sebarang premium rider.
- ⁽⁶⁾ Premium Asas ialah premium bagi pelan asas, tidak termasuk sebarang premium rider atau premium yang telah dibayar terlebih dahulu.

Soalan lazim

S: Siapakah yang boleh memohon?

J: Umur kemasukan minimum ialah mencapai umur 14 hari dan umur kemasukan maksimum berbeza menurut tempoh pembayaran premium seperti di bawah:

Tempoh Pembayaran Premium	5 tahun	10 tahun & 20 tahun
Tempoh Perlindungan	Umur Hari Jadi Berikut	
Sehingga umur 70 tahun hari jadi berikut	50	45
Sehingga umur 80 tahun hari jadi berikut	55	50
Sehingga umur 90 tahun hari jadi berikut	60	55

S: Apakah Premium Tahunan Asas minimum dan maksimum untuk pelan ini?

J:

Tempoh Pembayaran Premium	5 tahun	10 tahun	20 tahun
Minimum	RM6,000		
Maximum	RM1,000,000 (setiap hayat)		

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.

S: Apakah pengecualian bagi pelan ini?

- J: Tiada manfaat akan dibayar di bawah keadaan berikut:
- Kematian semasa tahun polisi pertama dari tarikh permulaan risiko atau sebarang tarikh penguatkuasaan semula polisi, mana yang kemudian, disebabkan bunuh diri, ketika waras atau tidak waras.
 - Manfaat kematian akibat kemalangan sebelum ulang tahun polisi kedua bagi sebarang kecederaan yang mengakibatkan kehilangan, disebabkan mana-mana perkara berikut sama ada secara langsung atau tidak langsung:
 - bunuh diri, percubaan bunuh diri atau kecederaan yang dilakukan sendiri ketika waras atau tidak waras;
 - peperangan atau sebarang tindakan perang, sama ada diisytiharkan atau tidak, aktiviti jenayah, bertugas secara aktif dalam mana-mana angkatan bersenjata, penglibatan langsung dalam mogok, rusuhan dan kekacauan awam atau pemberontakan; atau
 - daripada tindakan sebarang angkatan bersenjata, atau daripada kemalangan atau keganasan yang berlaku kerana kewujudan keadaan konflik bersenjata.

Nota: Pengecualian yang dinyatakan di atas adalah tidak menyeluruh. Huraian penuh boleh didapati daripada dokumen polisi.

S: Bagaimanakah saya boleh membuat bayaran?

J: Anda boleh bayar menggunakan perbankan internet, kad kredit, JomPAY, GIRO, ePay, atau tunai/cek melalui Bank Pemungut (menerusi kaunter bayaran, ATM dan mesin deposit cek). Anda mempunyai fleksibiliti untuk membayar premium secara tahunan, setengah tahunan, suku tahunan atau bulanan. Namun, cek dan tunai tidak dibenarkan bagi bayaran secara bulanan.

S: Berapakah yuran dan caj semasa?

J: Anda boleh merujuk pada Keterangan Dana untuk maklumat berkenaan caj pengurusan dana. Tiada yuran dan caj lain yang berkenaan.

Nota: Perubahan caj pengurusan dana boleh dilakukan pada ulang tahun polisi dan anda akan menerima notis bertulis 3 bulan terlebih dahulu.

S: Adakah saya layak menerima manfaat cukai?

J: Manfaat yang diterima daripada GREAT Multi-Gen Wealth 3 tidak dikenakan cukai dan premium yang dibayar mungkin layak mendapat pelepasan cukai. Namun, manfaat cukai tertakluk pada Akta Cukai Pendapatan Malaysia, 1967, dan keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Notis penting

GREAT Multi-Gen Wealth 3 merupakan pelan seumur hidup dengan tempoh pembayaran premium terhad tanpa penyertaan dalam keuntungan. Penggalak pelaburan akan dikreditkan pada jumlah nilai pelaburan dengan membeli unit dalam dana unit pilihan manakala manfaat hidup dibayar kepada anda. Sebahagian daripada pilihan dana melabur dalam sekuriti yang diluluskan Syariah. Namun begitu, produk ini tidak berlandaskan Syariah. **Jumlah nilai pelaburan adalah berlandaskan prestasi yang mendasari aset dan bukan suatu produk pelaburan sebenar seperti unit amanah.** Premium dibayar sehingga akhir tempoh pembayaran premium atau sehingga kematian atau penamatan polisi, mana yang berlaku dahulu. Premium akan kekal sama sepanjang tempoh pembayaran premium.

Anda seharusnya berpuas hati bahawa pelan ini akan memenuhi keperluan anda dengan sebaiknya dan premium yang dibayar di bawah polisi adalah amaun yang anda mampu bayar. Satu tempoh memerhati bebas selama 15 hari diberi kepada anda untuk meneliti kesesuaian pelan. Jika polisi dikembalikan kepada Syarikat dalam tempoh ini, Syarikat akan membayar balik suatu amaun yang bersamaan dengan:

- premium asas yang telah dibayar tanpa faedah termasuk premium rider (ditolak dengan perbelanjaan yang ditanggung untuk pemeriksaan perubatan, jika ada); dan
- premium yang tidak diperuntukkan (jika ada) dan nilai unit yang telah diperuntukkan (jika ada) berdasarkan harga unit pada tarikh penilaian yang berikutnya.

Nilai aset bersih ialah harga tunggal apabila pemilik polisi membeli unit dalam suatu dana unit dan menjual kembali unit pada dana unit. Jika anda menukar polisi insurans anda dari sebuah syarikat ke sebuah syarikat lain atau jika anda menukar polisi anda dengan polisi lain dalam syarikat yang sama, anda dikehendaki untuk menghantar borang cadangan yang mana penerimaan cadangan anda tertakluk pada terma dan syarat yang akan dikenakan semasa penukaran atau penggantian polisi.

Polisi tidak mempunyai nilai tunai minimum yang dijamin semasa penamatan sehingga anda telah membayar premium selama dua tahun. Penamatan awal polisi melibatkan kos yang tinggi dan nilai penarikan balik jumlah nilai pelaburan adalah berdasarkan nilai pasaran semasa bagi aset yang mendasari dana unit. Oleh itu, **jika anda menyerahkan polisi lebih awal, anda mungkin mendapat kurang daripada amaun yang anda telah bayar.** Jumlah nilai pelaburan mungkin naik atau turun, berdasarkan prestasi yang mendasari dana. **Prestasi dana adalah tidak dijamin.** Risiko pelaburan akan ditanggung sepenuhnya oleh pemilik polisi. Prestasi sebenar yang terdahulu bukan panduan untuk prestasi akan datang, kerana ia mungkin berbeza.

Jika anda berhenti membayar premium sebelum akhir tempoh pembayaran premium, pinjaman premium automatik akan berkuat kuasa di bawah polisi anda untuk membayar premium pada masa depan asalkan nilai tunai dan/atau jumlah nilai pelaburan melebihi jumlah hutang. Syarikat akan mengenakan faedah bagi pinjaman di atas pada kadar faedah yang ditentukan Syarikat dari semasa ke semasa. Kadar faedah semasa boleh didapati pada laman sesawang rasmi Syarikat. Pemberhentian pembayaran premium sebelum akhir tempoh pembayaran premium mungkin menyebabkan perlindungan ditamatkan lebih awal.

Anda mempunyai pilihan untuk meningkatkan nilai pelaburan polisi anda melalui penambahan premium tunggal, tertakluk pada minimum sebanyak RM1,000 bagi setiap penambahan, dengan syarat semua premium yang perlu dibayar dan hutang telah dibayar.

95% daripada penambahan premium tunggal akan digunakan untuk membeli unit pelaburan. Baki 5% penambahan premium tunggal yang tidak diperuntukkan untuk membeli unit akan digunakan untuk membayar komisen kepada pengantara dan perbelanjaan am Syarikat. Syarikat berhak menanggung pengeluaran atau penebusan unit, dalam keadaan yang dianggap terkecuali.

Risalah ini hanyalah untuk maklumat am sahaja. Ia bukan satu kontrak insurans. Anda dinasihatkan untuk merujuk Ilustrasi Jualan, Risalah Pernyataan Dana, Risalah Pemberitahuan Produk dan contoh dokumen polisi bagi mendapatkan maklumat terperinci berkenaan ciri penting dan manfaat pelan sebelum membeli pelan ini. Pengecualian dan had manfaat yang dinyatakan di atas adalah tidak menyeluruh. Untuk maklumat lanjut, rujukan harus dibuat pada terma dan syarat yang dinyatakan dalam polisi yang dikeluarkan Great Eastern Life.

Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia dan Bahasa Cina untuk risalah ini, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Istilah "Great Eastern Life" dan "Syarikat" merujuk kepada Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Ejen Great Eastern Life anda atau Customer Service Careline di 1300-1300 88.

PEJABAT CAWANGAN

Alor Setar

66 & 68, Jalan Teluk Wan Jah
05200 Alor Setar, Kedah

Batu Pahat

109, Jalan Rahmat
83000 Batu Pahat, Johor

Bintulu

No.313, Lot 3956, Phase 4
Bintulu Parkcity Commerce Square
Jalan Tun Ahmad Zaidi/
Jalan Tanjung Batu
97000 Bintulu, Sarawak

Ipoh

Wisma Great Eastern
16, Persiaran Tugu
Greentown Ave
30450 Ipoh, Perak

Johor Bahru

Wisma Great Eastern
02-01, Blok A
Komersil Southkey Mozek
Persiaran Southkey 1
Kota Southkey
80150 Johor Bahru

Klang

No. 8 & 10, Jalan Tiara 2A
Bandar Baru Klang
41150 Klang, Selangor

Kluang

No. 22 & 24
Jalan Md Lazim Saim
86000 Kluang, Johor

Kota Bharu

No. S25/5252-T & U
Jalan Sultan Yahya Petra
15200 Kota Bharu, Kelantan

Kota Kinabalu

Wisma Great Eastern
Level 4 & 5, No. 65 Jalan Gaya
88000 Kota Kinabalu, Sabah

Kuala Terengganu

2nd Floor, 6F
Bangunan Persatuan Hin Ann
Jalan Air Jernih,
20300 Kuala Terengganu,
Terengganu

Kuantan

A25, Jalan Dato Lim Hoe Lek
25200 Kuantan, Pahang

Kuching

House No. 51, Lot 435
Section 54, KTLD
Travilion Commercial Centre
Jalan Padungan
93100 Kuching, Sarawak

Lahad Datu

Ground & 1st Floor
MDLD 3804, Lot 66
Fajar Centre, Jalan Segama
91100 Lahad Datu, Sabah

Melaka

No. 23, Jalan PM 15
Plaza Mahkota
75000 Melaka

Miri

Lots 1260 & 1261
Block 10, M.C.L.D,
Jalan Melayu
98000 Miri, Sarawak

Penang

25, Light Street
10200 Penang

Sandakan

Lot 5 & 6, Block 40
Lorong Indah 15
Bandar Indah, Phase 7
Mile 4, North Road
90000 Sandakan, Sabah

Seremban

101 & 103, Jalan Yam Tuan
70000 Seremban,
Negeri Sembilan

Sibu

No. 10 A-F
Wisma Great Eastern
Persiaran Brooke
96000 Sibu, Sarawak

Taiping

133A, Jalan Barrack
34000 Taiping, Perak

Tawau

Ground Floor
Wisma Great Eastern
Jalan Billian
91000 Tawau, Sabah

Mencapai Kejayaan

IBU PEJABAT

Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad 198201013982 (93745-A)

Menara Great Eastern, 303 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur

☎ **03-4259 8888**

📠 **03-4259 8000**

✉ **wecare-my@greateasternlife.com**

🖱 **www.greateasternlife.com**

Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad 198201013982 (93745-A) dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang Syarikat.